

## SOALAN NO. 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG TIEN FATT @  
WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan perbelanjaan lawatan rasmi Perdana Menteri serta rombongan ke Amerika Syarikat pada September 2017 secara terperinci.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan lawatan rasmi ke Washington DC, Amerika Syarikat yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri dari 9 hingga 16 September 2017 adalah berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237) Kemudahan Elaun dan Keistimewaan bagi YAB Perdana Menteri.

Perbelanjaan tersebut adalah meliputi perbelanjaan penerbangan, penginapan, pengangkutan, elaun makan, dobi, telefon dan lain-lain. Perbelanjaan YAB Perdana Menteri dan ahli rombongan adalah mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.